

Baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memutuskan untuk melanggan produk ini. Sila pastikan juga untuk membaca terma-terma di dalam Surat Tawaran. Dapatkan penerangan daripada pegawai kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen atau terma-terma ini.

AKAUN EMAS BANK ISLAM-i

Tarikh : _____

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Akaun Emas Bank Islam (BIGA-i) adalah produk emas patuh Syariah yang menawarkan kepada pelanggan peluang untuk terlibat dalam pasaran logam bernilai. Produk ini berpotensi untuk membawa kepada penciptaan kekayaan, pengumpulan kekayaan, dan pemindahan kekayaan dalam kalangan pelanggan.

Pulangan emas adalah daripada kenaikan nilai pembelian awal pelanggan dan tertakluk kepada pergerakan pasaran emas semasa. Akaun Emas-i ini TIDAK dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- Produk ini menggunakan prinsip Syariah **Wakalah**.
- **Wakalah** merujuk kepada kontrak yang mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil), memberi kuasa kepada pihak yang lain bertindak selaku ejen (wakil) kepada dirinya dalam melakukan sesuatu tugas dalam urusan yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang yuran.
- Di bawah produk, pelanggan melantik Bank Islam sebagai ejen (wakil) ;
 - i. Melaksanakan transaksi pembelian dan/atau penjualan emas
 - ii. Memudahkan cara penyimpanan emas termasuklah dalam mengenal pasti, mengatur, dan membayar penyedia perkhidmatan peti simpanan keselamatan (pihak ketiga) bagi menyimpan emas Pelanggan.
 - iii. Memperuntukkan dan memperuntukkan semula nombor siri jongkong emas fizikal bagi faedah Pelanggan.
 - iv. Melantik pihak ketiga bagi melakukan perkhidmatan penghantaran emas dalam memudahkan proses penukaran emas oleh Pelanggan.

3. Apakah ciri-ciri produk ini?

| | Individu | Bukan Individu |
|-------------------------------------|--|---|
| Jenis Akaun dan Kelayakan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemastautin dan Bukan Pemastautin ▪ Umur minimum 18 tahun ▪ Bagi kanak-kanak bawah umur, akaun mestilah dibuka dibawah Akaun Amanah bersama penjaga mereka. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Korporat ▪ Komersial ▪ Kerajaan ▪ Kelab/ Persatuan / Pertubuhan ▪ Lain-lain |
| Keperluan Pembukaan Akaun | Pelanggan dihendaki untuk memiliki samada Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Akaun Pelaburan Transaksi dengan Bank Islam sebelum membuka akaun BIGA-i. CASATIA tersebut perlulah dikekalkan dan dihubungkan dengan BIGA-i bagi tujuan di bawah: <ol style="list-style-type: none"> i. Mendebitkan jumlah semasa pembelian emas; ii. Mengkreditkan jumlah semasa penjualan emas; iii. Mendebitkan Kos Keseluruhan semasa penebusan emas (emas fizikal); dan iv. Mendebitkan yuran penyimpanan bulanan dan sebarang yuran serta caj berkaitan yang lain (jika ada). | |
| Ketulenan Emas | 99.9% diiktiraf oleh <i>London Bullion Market Association (LBMA)</i> | |
| Pembelian Pertama | Minimum RM10 atau setara dengan gramnya berdasarkan Harga Emas semasa yang dikemaskini oleh Bank Islam semasa transaksi. | Minimum RM50 atau setara dengan gramnya berdasarkan Harga Emas semasa yang dikemaskini oleh Bank Islam semasa transaksi. |
| Pembelian Minimum Seterusnya | RM10 atau setara dengan gramnya berdasarkan Harga Emas semasa yang dikemaskini oleh Bank Islam semasa transaksi. | |
| Baki Minimum | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tiada baki minimum diperlukan. ▪ Bank Islam berhak untuk menutup akaun dengan baki sifar selama tiga (3) tahun berturut-turut secara automatik. | |
| Matawang | Ringgit Malaysia (RM) | |

| Penukaran Emas | <ul style="list-style-type: none"> Penukaran merujuk kepada pilihan untuk menukarkan pemilikan emas dalam BIGA-i kepada jongkong emas fizikal dalam denominasi tertentu seperti berikut: <table border="1" data-bbox="510 268 1476 369"> <tr> <th>Gram (g)</th> <td>0.5</td> <td>1</td> <td>5</td> <td>10</td> <td>50</td> <td>100</td> <td>1,000</td> <td>4.25</td> <td>21.25</td> </tr> <tr> <th>Produk</th> <td colspan="7">Jongkong emas</td> <td>1 dinar</td> <td>5 dinar</td> </tr> </table> Pelanggan akan menerima emas fizikal melalui penghantaran kurier dari Pembekal Emas. Kos penghantaran dan kos penukaran akan ditanggung oleh pelanggan. | Gram (g) | 0.5 | 1 | 5 | 10 | 50 | 100 | 1,000 | 4.25 | 21.25 | Produk | Jongkong emas | | | | | | | 1 dinar | 5 dinar |
|-------------------------------|--|---|--|--------|----|------------------|--|---------|-------------------------------|--|--|--------|------------------------------|---|----------------|---|--|---|--|---------|---------|
| Gram (g) | 0.5 | 1 | 5 | 10 | 50 | 100 | 1,000 | 4.25 | 21.25 | | | | | | | | | | | | |
| Produk | Jongkong emas | | | | | | | 1 dinar | 5 dinar | | | | | | | | | | | | |
| Kaedah Menukarkan Emas | Arahan/tempahan penukaran boleh dilakukan secara <i>Over the Counter (OTC)</i> di mana-mana cawangan Bank Islam atau outlet Ar-Rahnu Bank Islam. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kaedah Transaksi | Pelanggan boleh melakukan transaksi berikut melalui kaedah yang ditetapkan oleh Bank Islam: <table border="1" data-bbox="502 672 1492 1176"> <thead> <tr> <th rowspan="2">No</th> <th rowspan="2">Jenis Transaksi</th> <th colspan="2">Kaedah</th> </tr> <tr> <th>Over The Counter</th> <th>Perbankan Internet dan Aplikasi Mudah Alih</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Pembukaan dan Penutupan Akaun</td> <td rowspan="3">SEMUA cawangan Bank Islam termasuk outlet Ar-Rahnu Bank Islam.</td> <td rowspan="3">Tidak disediakan sehingga makluman lanjut.</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Pembelian dan Penjualan Emas</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Penukaran Emas</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Penjualan Semula Emas Fizikal Yang Telah Ditempa</td> <td colspan="2">Pelanggan boleh menjual semula emas fizikal dan menukarkannya kepada wang tunai kepada mana-mana pihak yang berminat seperti outlet Ar-Rahnu, kedai pajak gadai, kedai emas, atau kedai barang kemas.</td> </tr> </tbody> </table> | No | Jenis Transaksi | Kaedah | | Over The Counter | Perbankan Internet dan Aplikasi Mudah Alih | 1 | Pembukaan dan Penutupan Akaun | SEMUA cawangan Bank Islam termasuk outlet Ar-Rahnu Bank Islam. | Tidak disediakan sehingga makluman lanjut. | 2 | Pembelian dan Penjualan Emas | 3 | Penukaran Emas | 4 | Penjualan Semula Emas Fizikal Yang Telah Ditempa | Pelanggan boleh menjual semula emas fizikal dan menukarkannya kepada wang tunai kepada mana-mana pihak yang berminat seperti outlet Ar-Rahnu, kedai pajak gadai, kedai emas, atau kedai barang kemas. | | | |
| No | Jenis Transaksi | | | Kaedah | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | Over The Counter | Perbankan Internet dan Aplikasi Mudah Alih | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1 | Pembukaan dan Penutupan Akaun | SEMUA cawangan Bank Islam termasuk outlet Ar-Rahnu Bank Islam. | Tidak disediakan sehingga makluman lanjut. | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2 | Pembelian dan Penjualan Emas | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3 | Penukaran Emas | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4 | Penjualan Semula Emas Fizikal Yang Telah Ditempa | Pelanggan boleh menjual semula emas fizikal dan menukarkannya kepada wang tunai kepada mana-mana pihak yang berminat seperti outlet Ar-Rahnu, kedai pajak gadai, kedai emas, atau kedai barang kemas. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penyimpanan Emas | Pelanggan melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen Pelanggan dalam mengenal pasti, mengatur, dan membayar kepada pihak ketiga, Penyedia Perkhidmatan Peti Keselamatan untuk menyimpan emas yang dibeli. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| e-Penyata | Secara tahunan melalui e-mel. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

4. Apakah caj-caj lain yang perlu saya bayar?

| No | Jenis-jenis Yuran dan Caj | Jumlah Yuran/ Maklumat | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---------------|---------------------------|--|--------|-----------------|---|---------------|----------|----|--------|----|--------|----|---------|----|---------|-----|----------|-----|------------|------------|-----|-----------|----|------------|-----|
| 1 | Yuran Penukaran | <p>Ini adalah kos untuk menukarkan emas dalam BIGA-i kepada emas fizikal yang ditempa. Kos ini ditentukan dan dikenakan oleh Pembekal Emas yang dilantik oleh Bank Islam.</p> <table border="1" data-bbox="582 1579 1460 2049"> <thead> <tr> <th>Produk</th> <th>Denominasi Emas</th> <th>Jumlah Caj Penukaran Setiap Keping (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="6">Jongkong Emas</td> <td>0.5 gram</td> <td>33</td> </tr> <tr> <td>1 gram</td> <td>35</td> </tr> <tr> <td>5 gram</td> <td>45</td> </tr> <tr> <td>10 gram</td> <td>85</td> </tr> <tr> <td>50 gram</td> <td>280</td> </tr> <tr> <td>100 gram</td> <td>380</td> </tr> <tr> <td rowspan="3">Dinar Emas</td> <td>1,000 gram</td> <td>700</td> </tr> <tr> <td>4.25 gram</td> <td>65</td> </tr> <tr> <td>21.25 gram</td> <td>110</td> </tr> </tbody> </table> | Produk | Denominasi Emas | Jumlah Caj Penukaran Setiap Keping (RM) | Jongkong Emas | 0.5 gram | 33 | 1 gram | 35 | 5 gram | 45 | 10 gram | 85 | 50 gram | 280 | 100 gram | 380 | Dinar Emas | 1,000 gram | 700 | 4.25 gram | 65 | 21.25 gram | 110 |
| Produk | Denominasi Emas | Jumlah Caj Penukaran Setiap Keping (RM) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Jongkong Emas | 0.5 gram | 33 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 1 gram | 35 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 5 gram | 45 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 10 gram | 85 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 50 gram | 280 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 100 gram | 380 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Dinar Emas | 1,000 gram | 700 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 4.25 gram | 65 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 21.25 gram | 110 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

| 2 | Caj Perkhidmatan Kurier Dan Caj Penghantaran Khas | <p>Caj Perkhidmatan Kurier</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>Semenanjung Malaysia</th> <th>Sabah dan Sarawak</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Caj Insurans (optional)</td> <td>RM3.00 setiap gram</td> <td>RM3.00 setiap gram</td> </tr> <tr> <td>Caj Kurier</td> <td>RM 8.75 setiap penghantaran</td> <td>RM17.00 setiap penghantaran</td> </tr> <tr> <td>Caj Pengendalian (optional)</td> <td colspan="2">RM10.00 setiap penghantaran</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Nota: Setiap penghantaran mesti tidak melebihi berat maksimum 100g dan/atau 30 keping jongkong/dinar emas.</i></p> <p>Caj Penghantaran Khas</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>Semenanjung Malaysia</th> <th>Sabah dan Sarawak</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Caj Penghantaran Khas</td> <td>RM1,200 setiap penghantaran</td> <td>RM2,200 setiap penghantaran</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>* Caj penghantaran khas akan dikenakan kepada pertukaran jongkong emas fizikal 1,000g (1kg)</i></p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pelaksanaan perkhidmatan kurier dan/atau penghantaran khas akan dilakukan oleh Pembekal Emas yang dilantik oleh Bank Islam mengikut mandat yang diberikan oleh pelanggan di bawah kontrak wakalah. Bank Islam akan mendedahkan maklumat yang berkaitan seperti nama, nombor telefon, dan alamat pos kepada Pembekal Emas bagi tujuan penukaran emas. Caj Perkhidmatan Kurier dan Penghantaran Khas yang dinyatakan di atas dikenakan oleh Pembekal Emas. | Perkara | Semenanjung Malaysia | Sabah dan Sarawak | Caj Insurans (optional) | RM3.00 setiap gram | RM3.00 setiap gram | Caj Kurier | RM 8.75 setiap penghantaran | RM17.00 setiap penghantaran | Caj Pengendalian (optional) | RM10.00 setiap penghantaran | | Perkara | Semenanjung Malaysia | Sabah dan Sarawak | Caj Penghantaran Khas | RM1,200 setiap penghantaran | RM2,200 setiap penghantaran |
|-----------------------------|---|---|---------|----------------------|-------------------|-------------------------|--------------------|--------------------|------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|--|---------|----------------------|-------------------|-----------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| Perkara | Semenanjung Malaysia | Sabah dan Sarawak | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Caj Insurans (optional) | RM3.00 setiap gram | RM3.00 setiap gram | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Caj Kurier | RM 8.75 setiap penghantaran | RM17.00 setiap penghantaran | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Caj Pengendalian (optional) | RM10.00 setiap penghantaran | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Perkara | Semenanjung Malaysia | Sabah dan Sarawak | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Caj Penghantaran Khas | RM1,200 setiap penghantaran | RM2,200 setiap penghantaran | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3 | Yuran Penyimpanan | <p>Pihak Pembekal Emas akan mengenakan yuran penyimpanan sebanyak 1.5% setahun berdasarkan kepada purata nilai baki harian emas. Yuran tersebut akan dicaj secara bulanan dan akan ditolak daripada akaun Pelanggan yang dihubungkan dengan BIGA-i.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

Bank Islam akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan jika terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan untuk produk ini.

5. Apakah kemungkinan hasil emas saya?

Sila rujuk graf prestasi emas dalam tempoh 5 tahun yang lalu seperti yang dilampirkan di bawah:



6. Apakah risiko utama yang terlibat?
(a) Risiko Pasaran

Pelbagai faktor akan mempengaruhi nilai emas dalam Akaun Emas, termasuk keadaan pasaran, sentimen dan keyakinan pelabur, kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang, kadar inflasi, perniagaan, ekonomi, politik, kewangan, sosial, alam sekitar, dan kejadian lain baik di dalam maupun di luar negara.

(b) Risiko Harga

Harga Akaun Emas bergantung pada pergerakan dalam Pasaran Emas. Nilai rujukan sedemikian tertakluk kepada pergerakan dan perubahan dalam harga tersebut yang seterusnya mungkin mengakibatkan harga, tahap atau nilai bergerak secara negatif terhadap kepentingan anda dan menjejaskan pulangan Akaun Emas.

(c) Risiko Pulangan/Pelaburan

Pelanggan terdedah kepada perubahan dalam nilai rujukan tersebut antara masa pelanggan membeli emas dan masa penebusan/penjualan. Prestasi yang lepas bukanlah satu indikasi pulangan masa depan. Pulangan emas adalah daripada peningkatan pembelian awal pelanggan dan tertakluk kepada pergerakan keadaan pasaran emas dunia dan tempatan. Walau bagaimanapun, pulangan adalah tidak dijamin sementara risiko kerugian adalah tinggi dan besar jika dan apabila harga emas menurun.

PELANGGAN DINASIHATKAN UNTUK MEMPERTIMBANGKAN SEMUA FAKTOR RISIKO YANG BERKAITAN DENGAN AKAUN EMAS SEBELUM MELAKUKAN TRANSAKSI EMAS.

7. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami berkenaan apa-apa perubahan terhadap butiran perhubungan anda bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya. Bagi mengemaskini butiran perhubungan anda, anda boleh memaklumkan kepada kami secara bertulis atau lawati Cawangan Bank Islam berhampiran.

8. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

Jika anda ingin membuat aduan berkenaan produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

Jabatan Khidmat Pelanggan

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 17, Menara Bank Islam

No. 22, Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03 2690 0900

Fax: 03 2782 1352

Emel: customercare@bankislam.com.my

Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

(a) Melalui fon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

(b) Melalui faks : 03 2174 1515

(c) Melalui e-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

(d) Melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

AMARAN: PULANGAN EMAS ADALAH DARIPADA KENAIKAN NILAI PEMBELIAN AWAL PELANGGAN DAN TERTAKLUK KEPADA PERGERAKAN PASARAN EMAS SEMASA. AKAUN EMAS-I INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).

Semua maklumat yang diberikan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai 14 Oktober 2024.

Pengesahan penerimaan oleh pelanggan,

.....
 Nama:
 No. Kad Pengenalan:
 Tarikh: